



PENIAGA mencabut pelekat ayat al-Quran yang ditampal pada kenderaan saji ketika operasi Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP Putrajaya, di Jalan Bukit Pantai, Kuala Lumpur.

# Tanggal pelekat ayat al-Quran

■ 2 warga India salah guna ayat suci di kenderaan saji

**Khairul Najib Asarulah Khan**  
 khairul.najib@NSTP.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**ekerja sebuah kenderaan saji yang menjual cendol dan rojak di Jalan Bukit Pantai di sini, diarahkan meninggalkan pelekat ayat al-Quran di kenderaan mereka kerana mendatangkan kekeliruan, semalam.

Ini berikutnya siasatan awal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya mendapati makanan

dan minuman itu disediakan warga India bukan Islam.

Pada masa sama, mereka juga didapati menyala-hangkan pas dan permit.

Ketua Unit Operasi Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Md Nasir Mohamad berkata, pemeriksaan bermula jam 2 petang dilakukan selepas pihaknya menerima aduan awam.

Katanya, seramai tujuh anggota penguat kuasa melakukan pemeriksaan terhad-

dap kenderaan saji terbabit, dan dua pekerja berusia 27 dan 54 tahun itu mendakwa hanya pekerja.

"Namun, apabila pihak kami meminta majikan tam-pil, mereka memberi pelbagai alasan."

"Kami juga mendapat mereka (dua pekerja) masuk ke negara ini atas pas sebagai pelancong dan bekerja di sektor pertanian."

"Buat masa ini, tindakan diambil mengikut Akta Pe-

rial Dagangan 2011 dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya ketika ditemui selepas operasi berkenaan, di sini.

Sementara itu, pemandu teksi, Mohamad Ali, 53, mengakui terkejut kerana menyangka pengusahaannya adalah orang Islam.

"Saya lihat ramai orang Melayu menikmati cendol dan rojak di sini dan secara tidak langsung saya ingatkan mereka beragama Islam."

"Diharapkan operasi ini kerap dijalankan bagi mengelakkan pengunjung terutama umat Islam terkeliru," katanya.

**FAKTA**  
*Masuk ke negara ini atas pas sebagai pelancong dan bekerja di sektor pertanian*